

NOTA KELESTARIAN

Lestari bermaksud kekal dan tidak berubah. Manakala, kelestarian alam sekitar dikaitkan dengan tanggungjawab untuk melindungi dan mengekalkan keindahan flora dan fauna. Melindungi alam sekitar dapat mengurangkan pencemaran. Hal ini menjamin dunia pada masa akan datang masih baik dan selamat untuk generasi seterusnya.

6.1 KITAR SEMULA BAHAN BUANGAN ALUMINIUM

Bahan buangan daripada aluminium mempunyai nilai yang tinggi dalam pasaran. Mengumpul bahan buangan yang diperbuat daripada aluminium mampu menjadi sumber pendapatan. Selain itu, kebersihan kawasan sekitar juga terjamin.

6.1.1 Bahan Buangan daripada Aluminium

Bahan buangan daripada aluminium yang mudah ditemui di sekeliling kita adalah seperti berikut:



Ciri-ciri
Barang
Aluminium

- Ringan
- Tidak mudah berkarat
- Tahan lasak
- Konduktor haba yang baik
- Tidak mempunyai bau
- Berwarna putih keperakan
- Tidak bermagnet

Nama: _____ Kelas: _____

Namakan bahan buangan daripada aluminium berikut: (Seret jawapan dan letakkan di tempat yang betul)

Periuk	Botol aerosol	kuali	Kerajang aluminium
Tin susu	Penutup botol minuman	Bekas makanan aluminium	Tin minuman
Tin makanan	Sudu dan garpu	Tin makanan haiwan	

